

P. Pinang diminta kaji semula honorarium

ALOR STAR 17 Jun - Bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad mencadangkan supaya Kedah meminta Pulau Pinang mengkaji semula bayaran honorarium RM10,000 setahun yang diberikan kepada kerajaan Kedah.

Beliau berkata, bayaran sebanyak itu tidak lagi bersesuaian dengan nilai sekarang kerana perjanjian pembayaran itu dibuat semasa penjajahan British ketika Pulau Pinang dan Seberang Perai diambil daripada Kedah.

"Kedah kena tuntutan supaya Pulau Pinang kaji semula bayaran itu supaya bersesuaian dengan masa kini," katanya semasa berucap pada majlis Jamuan Terima Kasih kepada beliau di Wisma Da-

rul Aman di sini malam tadi.

Turut hadir pada majlis jamuan mengenang jasa Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri anjuran kerajaan negeri itu ialah Sultan Kedah dan Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

"Kita kena tuntutan juga, kerana dengan nilai RM10,000 sekarang hendak beli rumah pun tak cukup, kalau tidak kita minta ambil balik Pulau Pinang dan Seberang Perai," katanya sambil berseloroh.

Beliau berkata, semasa perjanjian itu dibuat British bersetuju membayar dalam bentuk wang perak sebanyak \$10,000 mata wang Sepanyol setanun, tetapi pembayaran hanya sekadar dibuat

\$10,000 setahun dalam bentuk mata wang Negeri-Negeri Selat yang nilainya lebih rendah.

Mengikut fakta sejarah, Kedah yang ditadbir oleh Sultan Abdullah menyerahkan Pulau Pinang kepada Kapten Francis Light yang mewakili East India Company (British) pada 1796 dan Seberang Perai pada 1800 kerana meminta bantuan British membantu Kedah daripada serangan Siam.

Bagaimanapun, Kedah jatuh juga ke tangan Siam pada 1821 dan kemudian Siam terpaksa menyerahkan kembali Kedah kepada British pada 1909.

Selain itu, Dr. Mahathir juga meminta supaya Kedah menimbang mengenakan bayaran terha-

dap bekalan air yang belum dirawat kepada Pulau Pinang yang kini diberikan percuma.

Menurutnya apabila kerajaan negeri Pulau Pinang menswastakan bekalan air ini bermakna mereka mendapat keuntungan daripada air yang dibekalkan secara percuma daripada Kedah.

Sebelum itu, Dr. Mahathir meminta maaf kerana tidak dapat melaksanakan semua janji-janjinya terhadap pembangunan di negeri ini semasa menjadi Perdana Menteri.

Beliau berharap, kepimpinan yang ada sekarang dapat meneruskan atau berbuat sesuatu bagi membangunkan negeri ini seperti yang telah dirancang sebelumnya. — Bernama



DR. MAHATHIR diiringi Syed Razak (kiri) disambut oleh pasukan gendang tradisional sebelum merasmikan Dialog Kedah Maju 2010 di Langkawi semalam.